

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN  
ISMAIL (KULIM BANDAR BAHARU)**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2021(SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan implikasi Pakatan Keselamatan tiga negara Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia (AUKUS) terhadap Malaysia dan ASEAN dari sudut keselamatan, pertahanan dan hubungan ketenteraan antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pendirian Kerajaan Malaysia berhubung AUKUS tetap konsisten seperti yang ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri, yang mana pembentukan AUKUS melahirkan kegusaran kerana ia berpotensi mengganggu gugat keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara. Selain itu, ia juga bakal memprovokasi kuasa-kuasa lain untuk turut bertindak lebih agresif di rantau ini terutama di Laut China Selatan.

Malaysia sebagai salah satu negara peneraju ASEAN berpegang teguh kepada prinsip Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (Zone of Peace, Freedom and Neutrality, ZOPFAN) dan menyeru agar semua negara anggota ASEAN untuk terus bersatu di bawah ASEAN. Malaysia sentiasa berpendirian bahawa sebarang isu melibatkan hubungan antarabangsa perlu diselesaikan secara aman melalui rundingan dan semua pihak mesti menghormati undang-undang antarabangsa.

Walaupun AUKUS ini tidak menyatakan sebarang elemen penggunaan senjata nuklear, Malaysia sentiasa menekankan prinsip untuk mengekalkan ASEAN sebagai zon bebas senjata nuklear berdasarkan Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (Southeast Asia Nuclear Weapon Free Zone – SEANWFZ) yang dipersetujui oleh semua negara ASEAN pada tahun 2001. Kedua-dua komitmen ini telah menjelaskan pendirian Malaysia yang konsisten untuk menolak apa jua bentuk tindakan berbentuk provokasi yang bakal menyumbang kepada persaingan senjata di rantau ini.

Isu penubuhan kerjasama tiga hala Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat perlu juga dilihat secara positif yang mana perkembangan ini boleh mewujudkan peluang (*opportunity*) kepada Malaysia untuk meningkatkan lagi kapasiti pertahanan bagi menghadapi lanskap keselamatan yang sentiasa dinamik.

Malaysia sentiasa memandang ke hadapan bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara tidak diganggu gugat. Hubungan (diplomasi pertahanan) sedia ada dengan negara-negara ASEAN umpamanya akan terus diperkukuhkan. Melalui satu suara 10 negara ASEAN adalah sukar bagi kuasa-kuasa besar untuk menjejaskan kestabilan Malaysia dan rantau ini secara keseluruhan.

Dari sudut hubungan antarabangsa pula, Malaysia berpegang kepada prinsip negara berkecuali yang sentiasa mengutamakan hubungan yang baik dengan semua negara. Kerajaan akan terus menjalinkan kerjasama pertahanan dua hala dan pelbagai hala dengan negara-negara di Asia Tenggara dan negara-negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China. Namun, ingin ditegaskan disini bahawa hubungan baik dengan mana-mana negara tidak akan menjejaskan atau mencemar kedaulatan negara. Malaysia sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan kesan daripada pakatan tiga negara Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia (AUKUS).

Terima kasih.